

Menteri sedia campur tangan

26 JAN 1991

2

KUALA LUMPUR — Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Senator Haji Annuar Musa, sedia campur tangan bagi meyakinkan Majlis Olimpik Filipina (FOC) supaya silat olahraga disertakan semula dalam Sukan SEA XVI di Manila, November ini.

Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Tan Sri Haji Muhammad Muhd Taib, berkata keputusan Haji Annuar untuk turut membabitkan diri meyakinkan Pesaka kemungkinan silat disenaraikan semula agak cerah.

Ahli majlis Pesaka mengadakan perjumpaan khas dengan Haji Annuar di pejabatnya baru-baru ini bagi membincangkan masalah ini.

Haji Annuar dilaporkan sedia menyertai rombongan

Pesaka ke Manila bagi berbincang dengan FOC bulan depan jika tidak mempunyai urusan rasmi kerajaan yang lebih penting.

Rombongan itu akan diketuai sendiri oleh Tan Sri Haji Muhammad, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah, dan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Eddy M. Nalapraya.

Menurutnya, tiga syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Sukan SEA lebih daripada mencukupi, termasuk setiap acara hendaklah disertai oleh lebih daripada empat negara.

Pesaka dan Persilat akan menyediakan kemudahan kelengkapan pertandingan sedia dipenuhi oleh Pesaka dan Persilat. — BHM.